



10 OKTOBER, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

25 TAHUN BAHASA MELAYU MENJADI BAHASA RASMI

BAHASA Melayu telah didaulatkan menjadi bahasa rasmi menurut kuatkuasa Perlembagaan. Dan selama 25 tahun semenjak perasmianya itu telah banyak usaha kerajaan memajukan.

Dari permulaan perasmian itu lagi kerajaan telah mengambil langkah yang positif dengan mengarahkan semua jabatan menggunakan Bahasa Melayu dalam urusannya sambil itu badan yang bertanggungjawab bagi rancangan-rancangan memajukan bahasa itu telah

ditubuhkan yang akhirnya menjadi Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang ini. Sesungguhnya arahan yang setakat berupa Surat Keliling itu sangat berpengaruh, dan pada suatu peringkat ia mewujudkan suatu suasana kesungguhan di kalangan bukan sahaja kerajaan bahkan juga rakyat dan penduduk. Tidak keterlaluan kalau disebutkan di sini bahawa dalam suasana yang penuh kesungguhan itu terasa betapa tingginya harga Bahasa Melayu yang dirasmikan itu dengan umpamanya pihak-pihak di luar kerajaan yang mahu berhubung dengan kerajaan telah menggunakan bahasa rasmi dalam persuratan. Sikap yang diambil oleh orang ramai terutama sekali kalangan perniagaan sangat jelas kuat dipengaruhi oleh sikap tegas kerajaan. Kerana terbukti ada pihak-pihak kerajaan yang tidak melayani persuratan dalam bahasa lain selain bahasa rasmi menjadikan Bahasa Melayu itu diambil berat oleh semua pihak. Selain ia mendorong usaha-usaha mempelajari, langkah tegas kerajaan waktu itu diterima baik sebagai tepat pada mengketarakan matlamat mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Mungkin ada kajian dibuat ke atas ketegasan langkah pada masa-masa yang lalu itu. Apapun motif langkah yang diambil waktu itu tentu perlu kita ambil berat pada masa ini. Jika pada masa-masa dahulu itu langkah kerajaan sangat berpengaruh bagi mendorong penggunaan Bahasa Melayu secara yang meluas padahal persiapan yang diperlukan bagi penggunaan itu tidak selengkap mana maka dalam keadaan sekarang

penggunaan itu bukan sahaja sepatutnya sudah luas dan meningkat bahkan selayaknya sudah menyeluruh di mana Bahasa Melayu itu telah boleh dikatakan lengkap. Malangnya tidak sedemikian keadaannya yang ada manakala di sana sini bukan sahaja terdapat penggunaan bahasa-bahasa lain di samping Bahasa Melayu oleh pihak-pihak di luar kerajaan bahkan juga ada setengah-setengah pihak dalam kerajaan. Jika penggunaan bahasa asing itu dalam bidang-bidang yang sangat memerlukan di mana keupayaan kita masih terhad mungkin itu dapat kita bertolak-ansur, akan tetapi jika ia sengaja digunakan dalam bidang-bidang yang di mana Bahasa Melayu sepatutnya dipergunakan dan kita keseluruhannya mampu mempergunakannya maka yang sedemikian itu adalah melemahkan semangat Perlembagaan yang mendaulatkan Bahasa Melayu itu.

Kita tidak keterlaluan kalau menyebutkan bahawa terdapat papan-papan tanda yang bukan sahaja menggunakan bahasa-bahasa asing di samping Bahasa Melayu bahkan ada yang langsung tidak menggunakan Bahasa Melayu. Ini biasanya dilakukan di luar pengetahuan pihak-pihak berkenaan kerajaan. Tetapi hal tersebut seolah-olah diabaikan begitu sahaja dan akan menular seperti juga halnya dalam persuratan di mana kalangan-kalangan tertentu di luar dan di dalam kerajaan sendiri sudah terdapat-bawa tidak menggunakan Bahasa Melayu. Maka yang sedemikian itu sangat jauh berbeza daripada keadaan dan suasana waktu kita mula-mula men-

daulatkan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dahulu.

Bagi mengatasi hal seumpama ini mungkin setengah-setengah orang berpendapat perlunya ada undang-undang bahasa, tegasnya penggunaan bahasa rasmi itu hendaklah disokong dan diperkuatkan secara undang-undang. Pendapat seperti ini bukan tidak ada meritnya dan bahkan langkah sedemikian telah dibuat di luar negeri. Akan tetapi kita juga harus menimbangkan bahawa kuatkuasa undang-undang sahaja belum pasti akan menjayakan matlamat perasmian bahasa melainkan terlebih dahulu semua pihak dan semua peringkat pengguna bahasa itu disedarkan akan kepentingan menggunakan Bahasa Melayu dengan sungguh-sungguh. Tentu persoalannya masih juga berkisar pada usaha-usaha memberikan kesedaran, bagaimanapun serentak dengan itu kita juga melihat akan kepentingan sikap tegas dan sungguh-sungguh seperti yang pernah dilakukan pada masa-masa yang lalu.

Kerajaan sudah mempunyai dasar tertentu dan dasar itu telah dilaksanakan. Tinggal lagi kejayaan dasar tersebut banyak bergantung kepada sejauh mana kuatnya pengaruh semua pihak dalam kerajaan untuk menjadi contoh yang akan diikuti oleh pihak-pihak lain bagi menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya dalam bidang-bidang yang Bahasa Melayu itu selayaknya dipergunakan.

UNDANG-UNDANG MENCEGAH PELANGGARAN DI LAUT

KAUM Perkapalan adalah dinasihatkan bahawa Undang-Undang Antarabangsa bagi Mencegah Pelanggaran-Perlanggaran di Laut 1972 sedang diluaskan ke Brunei di bawah peruntukan-peruntukan Seksyen 103 Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982, dan undang-undang ini membentuk sebahagian daripada undang-undang Negara Brunei Darussalam mulai dari 1 September 1984.

Pengluasan Undang-Undang Pelanggaran Antarabangsa ke Brunei melibatkan setiap orang yang menguasai atau memiliki sebarang kapal atau bot, di mana sahaja mereka berada, untuk mematuhi undang-undang pelanggaran dan tidak memasang lain-lain lampu pelayaran selain daripada yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan berkenaan dan demi untuk membantu pemilik-pemilik bot kecil, Pemandu-pemandu dan juragan-juragan memahami apa yang dikehendaki dari mereka oleh peraturan-peraturan tersebut satu petikan undang-undang yang ada hubungannya dengan bot-kecil disertakan bersama-sama Surat Keliling ini untuk pengetahuan umum.

Setiap orang yang menguasai atau memiliki sebarang kapal atau bot termasuk juragan-juragan, pememudi-pememudi dan pemandu-pemandu sebarang bot yang menggunakan enjin motor diminta meneliti petikan undang-undang antarabangsa yang disertakan dan menggunakan arahan-arahan yang terkandung di dalamnya kepada penggunaan harian kapal-kapal atau bot-bot mereka bagi kebaikan dan keselamatan bersama orang-orang yang terlibat di dalam penggunaan perairan-perairan Brunei Darussalam. Sebarang nasihat atau maklumat mengenai dengan penggunaan peraturan-peraturan yang disertakan bolehlah didapati dari Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan.

Petikan dari Undang-Undang Antarabangsa bagi Mencegah Pelanggaran-Perlanggaran di Laut seperti yang Dikenakan kepada Kapal-Kapal Kecil

1. Peraturan-Peraturan Memandu dan Belayar

1.1 Peraturan 5. Setiap kapal hendaklah sentiasa berhati-hati terhadap penglihatan dan pendengaran serta dengan sedaya-upaya yang boleh ketika berada dalam suasana-suasana dari keadaan-keadaan yang mendesak demi untuk membuat penilaian penuh terhadap kedudukan dan risiko pelanggaran.

1.2 Peraturan 6. Setiap kapal hendaklah sentiasa bergerak dalam had laju yang selamat agar ianya dapat membuat pergerakan yang teratur dan berkesan demi untuk mengelakkan pelanggaran dan berhenti dalam jarak yang berpatutan dari suasana-suasana dan keadaan-keadaan yang mendesak.

1.3 Peraturan 8. Sebarang tindakan yang diambil untuk mengelakkan pelanggaran hendaklah, jika suasana-suasana dalam kejadian itu membenarkan, positif, dibuat dalam jangka waktu yang mencukupi dan berpandukan pada kemahiran menjalankan kapal atau bot dengan baik.

1.4 Peraturan 9. Sebuah kapal yang bergerak sepanjang haluan yang mempunyai terusan atau laluan perairan yang sempit hendaklah berada seberapa dekat di sebelah tepi terusan atau laluan perairan yang terletak di sebelah kanannya sebagai yang selamat dan boleh di praktiskan.

1.5 Peraturan 13. Tanpa menghiraukan apa-apa yang terkandung di dalam Peraturan-Peraturan ini sebarang kapal yang memotong jalan kapal yang lainnya hendaklah menjauhi haluan kapal yang sedang dipotong. Sebuah kapal boleh memotong jalan sebuah kapal

yang sedang belayar di hadapannya setelah memastikan bahawa jaraknya melebihi 22.5 darjah ke arah buritan badannya. Apabila sebuah kapal berada dalam keadaan yang serba-salah sama ada dia memotong jalan kapal yang di hadapannya, dia hendaklah mengagap bahawa ini adalah terjadi dan bertindak seperti itu.

1.6 Peraturan 14. Apabila dua buah kapal pemacu kuasa belayar bertemu haluan atau hampir-hampir bertemu haluan dan demi untuk mengelakkan risiko pelanggaran setiap kapal hendaklah mengubah haluan masing-masing ke sebelah kanan agar kedua-duanya mengambil jalan di sebelah kiri masing-masing. Apabila kapal itu merasa ragu-ragu sama ada ianya berada dalam keadaan yang sedemikian dia hendaklah mengagap bahawa ini adalah terjadi dan bertindak seperti itu.

1.7 Peraturan 15. Apabila dua buah kapal pemacu kuasa bertemu dan demi untuk mengelakkan risiko pelanggaran, kapal yang berada di sebelah kanan kapal yang sebuah lagi hendaklah menjauhi haluan dan, jika

keadaan membenarkan, jauh dari menyebarkan mendahului kapal yang sebuah lagi.

1.8 Peraturan 17. Di mana sebuah daripada kedua buah kapal ini menjauhi haluan yang sebuah lagi hendaklah menjaga had kelajuan dan haluannya. Apabila disebabkan oleh lain-lain punca, kapal yang dikehendaki menjaga had kelajuan dan haluannya mendapati dirinya terlalu dekat dan pelanggaran tidak dapat dielakkan dengan hanya sebuah kapal sahaja yang memberikan jalan, dia hendaklah bertindak dengan sewajarnya untuk mengelakkan pelanggaran.

2. Lampu-Lampu Pelayaran bagi Kapal-Kapal Kecil

2.1 Peraturan 20. Peraturan-Peraturan mengenai dengan lampu-lampu mestilah di patuhi dari matahari terbenam hingga matahari terbit dan dalam waktu yang berkenaan lampu-lampu yang lain tidak boleh dipamerkan, kecuali lain-lain lampu yang tidak disalah anggap sebagai lampu-lampu yang khusus bagi Peraturan-Peraturan ini

atau menghalang pengawasan penglihatan yang betul.

2.2 Peraturan 21. "Lampu-Lampu Tepi" bererti sebuah lampu hijau di sebelah kanan dan sebuah lampu merah di sebelah kiri masing-masing menunjukkan cahaya yang berterusan seluas lengkungan permukaan kaki langit sebanyak 112.5 darjah dan dipasang untuk menunjukkan lampu dari hadapan sebelah kanan membawa ke 22.5 darjah ke sisi belakang yang sebelah lagi. Bagi kapal yang kurang dari 20 meter (65.6 kaki) panjang lampu-lampu tepi bolehlah disatukan menjadi satu lampu yang diletakkan di depan dan belakang garis tengah kapal.

2.3 Peraturan 21. "Lampu Keliling" bererti sebuah lampu yang terus-menerus cahayanya seluas lengkungan permukaan kaki langit sebanyak 360 darjah.

2.4 Peraturan 23. Kapal bertenaga yang kurang dari 12 meter (39.3 kaki) panjang bolehlah memasang sebuah lampu keliling putih dan lampu-lampu tepi.

2.5 Peraturan 23. Kapal bertenaga yang kurang dari 7 meter (23 kaki) panjang dengan had kelajuan yang maksima tidak lebih dari 7 knot bolehlah memasang sebuah lampu keliling putih dan,

jika boleh dipraktiskan, bolehlah juga memasang lampu-lampu tepi.

3. Isyarat-Isyarat Bunyi Amaran

3.1 Peraturan 34. Apabila kapal terlihat antara satu sama yang lain ketika sedang dalam pelayaran dan hendak membuat pergerakan hendaklah memberitahu pergerakan yang hendak dibuat itu dengan isyarat-isyarat bunyi wisel yang berikut:—

satu bunyi pendek — Saya hendak mengubah haluan ke sebelah kanan.

dua bunyi pendek — Saya hendak mengubah haluan ke sebelah kiri.

tiga bunyi pendek — Saya berundur ke belakang.

4. Amaran kepada Pelaut-Pelaut

Petikan dari Undang-Undang Pelanggaran Antarabangsa yang tersebut di atas tidaklah menyeluruh dan ianya hanya dimaksudkan untuk panduan pemilik-pemilik bot kecil. Pemilik-pemilik kapal yang lebih besar atau jenis 'seagoing' hendaklah merujuk terus Undang-Undang Pelanggaran Antarabangsa untuk menerima penerangan yang lebih lanjut.

UNDANG-UNDANG PERKAPALAN PEDAGANG 1982

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menguatkuasakan beberapa bahagian daripada Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982 mulai 1 September, 1984 yang lalu bagi membolehkan negara ini mendaftarkan semua kapal-kapal Brunei.

Dengan tertubuhnya Daftar Kapal-kapal yang akan membolehkan pemilik-pemilik kapal negara ini yang telah didaftarkan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam pada kapal-kapal mereka dan seterusnya kesemua kapal-kapal itu beserta anak buahnya akan dapat dilindungi oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan-peruntukan di dalam Undang-Undang Perkapalan Pedagang, 1982 berkenaan.

Di bawah Undang-Undang Perkapalan Pedagang, 1982 sebuah kapal Brunei adalah dimaksudkan sebagai kapal

yang dimiliki keseluruhannya oleh orang-orang Brunei atau oleh badan berkanun (yakni syarikat) yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Brunei dan mempunyai tempat perniagaan utamanya di negara ini. Oleh yang demikian kapal-kapal tersebut hendaklah didaftarkan di Negara Brunei Darussalam.

Dengan kedudukan tersebut di atas, permohonan bagi mendaftarkan kapal-kapal mereka hendaklah dihadapkan kepada Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam yang juga bertindak sebagai Pendaftar Kapal-kapal Brunei.

Perlaksanaan Daftar Kapal-Kapal Brunei ini bukan sahaja penting kepada sejarah perkembangan perkapalan kepada negara ini tetapi ianya juga merupakan satu perkembangan yang besar artinya dalam kemasukan negara ini di dalam dunia perkapalan antarabangsa dan di dalam bahwasalaut.

PADUKA SERI BEGAWAN BERANGKAT SAKSIKAN PERTUNJUKAN TENTERA

KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, yang juga selaku Menteri Pertahanan telah berangkat ke Daerah Belait pada hari Ahad yang lalu bagi menyaksikan pertunjukan ketenteraan yang dipersembahkan oleh Pasukan Keenam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles.

Pasukan Keenam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles adalah merupakan salah sebuah pasukan pertahanan negara ini yang berpangkalan di Daerah Belait, di samping Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Pasukan tersebut mula berkhidmat ke negara ini pada bulan November '82 dan seterusnya pula akan berlepas meninggalkan negara ini

Oleh: Ahat Ismail
Gambar-gambar oleh:
Pg. Haji Yaakub PMHH
dan Ak Bahar Pg Haji Omar

selepas tamat tempoh perkhidmatan mereka pada bulan November depan dan dijangka akan digantikan pula oleh Pasukan 1st Battalion, 2nd King Edward The VII's Own Gurkha Rifles.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Teramat Mulia ke Padang KBRC telah dijunjung oleh Pegawai Pemerintah Pasukan Askar Gurkha Lieutenant Colonel R.F. Richardson-Aitken, dan seurus keberangkatan itu Kebawah Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima

"Tabik Hormat" dan kemudian berangkat memeriksa perbarisan Pasukan Kawalan Keselamatan yang berjumlah seramai 60 orang anggota di bawah Pemerintah Major P.P.A. Gould Bury.

Menyertai keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia ke daerah tersebut ialah chuchunda Baginda Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah.

Memulakan acara pada hari itu ialah pertunjukan permainan pancaragam dari Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Pancaragam Serunai dan Tambur Askar Gurkha sendiri.

Di samping mengadakan persembahan pancaragam, bertempat di Mess Pegawai Tentera British di Mumong, Pasukan Keenam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles juga menyebarkan pertunjukan pergerakan-pergerakan ketenteraan seperti teknik serangan di hutan semasa bertempur dengan musuh dan tunjukkan mengenai serangan hendap serta mengelak jerangkap samar musuh.

Juga mereka persembahkan ialah tunjukkan operasi menyelamatkan para tebusan oleh beberapa orang pencolek-pencolek bersenjata di dalam sebuah rumah. Dalam operasi itu askar-askar Gurkha berperanan bagi membebaskan orang-orang tebusan tersebut selanjutnya melakukan serangan habis-habisan, ke atas pencolek-pencolek.

Semasa pertempuran dengan pencolek bersenjata itu, Pasukan Askar Gurkha telah menggunakan dua buah helikopter serta bom-bom pemedih mata untuk mengatur serangan ke arah musuh.

Operasi yang direncanakan itu dengan mudah berjaya menepati sasarannya yang mana mereka bukan saja menawan pencolek tersebut tetapi juga membebaskan dengan selamat.



KEBAWAH D.Y.T.M. berkenan menandatangani buku lawatan di Mess Pegawai Tentera British di Mumong (atas). Manakala gambar bawah Kebawah D.Y.T.M. sedang menyaksikan persembahan-persembahan pancaragam di Padang KBRC.



KEBAWAH D.Y.T.M. sedang memerhatikan pakaian yang dipakai oleh Askar Gurkha semasa berada di dalam hutan untuk mengelakkan dari pengetahuan musuh (atas). Gambar bawah pula Kebawah D.Y.T.M. berkenan menguji senjata pemusnah kereta kebal ketika berangkat ke Kem Pameran Senjata Antik Kereta Kebal.



SALAH seorang tentera Gurkha sedang turun melalui tali pesawat helikopter dalam operasi membebaskan para tebusan yang dicolek di sebuah rumah (seperti gambar atas). Kebawah D.Y.T.M. sedang menyebarkan sesuatu kepada ketua operasi penyelamat tebusan yang diperkenalkan kepada kebawah D.Y.T.M.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-246

PERGAULAN DENGAN ORANG-ORANG BUKAN

BERKATA Al-Imam An-Nawawai dalam Al-Azkar: "Tiada sayugia kita menghormati mereka dan bersenang-senang dengan mereka kecuali jika mendatangkan fitnah, maka dihormati mereka sekadar menghindarkan fitnah itu dan kesusahan itu."

Orang bukan Islam yang bernaung dalam negeri Islam dan diam tetap dalam negeri Islam, kita jangan buat zalim dan aniaya ke atas mereka, jangan tipu daya dan curang ketika bermuamalat dan berniaga dengan mereka dan kita buat baik kepada mereka menurut yang diluluskan dan diberikan Islam kepada mereka dan juga kepada orang yang dibenarkan masuk dalam negeri Islam.

Adapun beri kepada mereka arak atau babi atau lain-lain benda yang haram

atau hiburan haram, adalah ditegah dan haram kerana orang Islam ditegah membuat kerja haram dan ditengah menggalakkan perkara haram, kerana arak, babi dan tarian-tarian haram dan seumpamanya adalah ditegah dan membazir, kerana membelanjakan harta pada yang haram adalah haram dan membazir, dan mubbazzir dari perkara hasutan syaitan dan kesukaan syaitan bagaimana di dalam Al-Quran.

Jika mereka jiran kita buat baik dan jangan menyakiti mereka.

Jika mereka ibu bapa kita dan saudara mara kita yang belum masuk Islam, kita buat baik kepada mereka dan jika mereka mati kita lawat dan berikan takziah dan hantarkan ke jirat mereka.

ISLAM

Adapun hormatkan mereka dan sayangkan mereka tiada disuruh, tetapi doakan mereka supaya dapat hidayat dan masuk Islam dan jangan ikut upacara kufur mereka dan adat kufur mereka dan perbuatan kufur mereka.

Jika mereka buat baik kepada kita, kita doakan mereka supaya mereka dapat hidayat dan masuk Islam atau doakan mereka sihat dan selamat dan tiada boleh didoakan dengan diampunkan dosa mereka, kerana Allah tiada mengampunkan dosa kufur itu, bagaimana dalam Al-Quran.

Daripada sahabat Amr bin al-As Radiallahu

anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda: (Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan hadis yang serupa diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim) yang ertinya: Bahawa kaum kerabat fulan itu iaitu Abu Talib, mereka bukan orang-orang yang layak berdamping dan rapat dengan saya, yang mana mereka tiada masuk ugama Islam, hanya saya berdamping dan rapat dengan Allah Taala, dan orang-orang yang beriman dan beramal salih, tetapi mereka adalah kerabat, dan saya meraikan hak rahim kepada mereka dan menyambung silah kerabat (hubungan kekeluargaan) kepada mereka yang bererti: Siapa yang tiada masuk Islam daripada kaum kerabat Abu Talib bukanlah mereka orang-orang yang

damping kepada Rasulullah, sekalipun mereka kerabat yang dekat dan hampir, hanya Rasulullah berdamping dan rapat kepada Allah Taala kerana menyempurnakan hak keTuhanan Allah ke atas hamba-Nya, dan Rasulullah berdamping dan rapat kepada orang-orang beriman dan salih, kerana keimanan dan kesalihan mereka kepada Allah Taala, sekalipun mereka bukan kerabat Baginda yang damping hampir dan dekat. Tetapi Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam meraikan hak-hak kerabat dan hak-hak orang menjadi rahim kepada Baginda Rasulullah.

Ini dia kedudukan kerabat-kerabat Rasulullah yang mereka tiada masuk ugama Islam sekalipun mereka orang-orang yang

lebih kanan daripada Kerabat dan keturunan.

Dari hadis-hadis yang seumpama ini, yang sahih dan betul maka Ulama Islam telah mengambil hukum pada bermuamalat dengan orang-orang yang tiada masuk Islam itu.

Sila lihat perkara ini dalam Kitab Fiqh dalam bab Babus-siar dan dalam al-Azkar oleh Al-Imam An-Nawawi dan al-Futuhatur Rabbaniyyah alal azkarin Nawawiyah oleh Al-Imam Ibnu Allan as Siddiqi asy Syafie al Asyari al Makki.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



AWANG Mohd Rozey bin Abdullah pemenang pertama menghafaz ayat-ayat lazim.

PERTANDINGAN QURAN DAN HAFAZ AYAT LAZIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Membaca Al-Quran dan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi saudara-saudara baru Daerah Brunei dan Muara telah dilangsungkan di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1½ Jalan Tutong pada 23 September yang lalu.

Majlis telah dimulakan dengan persembahan ba-

caan Al-Quran oleh Awang Mohd Yunus bin Taha. Ini diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Pengerusi Pertandingan Peringkat Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd Ali bin Haji Abd Hamid.

Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah, Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, yang juga telah menyempurnakan perasmian pertandingan tersebut.

Seramai 4 orang peserta telah bertanding membaca Al-Quran dan telah dimenangi oleh Awang Sidek bin Abdullah dan Datin Juliah binti Abdullah dan 8 orang peserta lagi bertanding dalam bahagian Menghafaz Ayat-Ayat Lazim, di mana dalam bahagian tersebut johan telah disandang oleh Awang Mohd Rozey bin Abdullah dan Dayang

Noraini binti Abdullah. Johan-johan dari tiap-tiap bahagian akan mewakili Daerah Brunei dan Muara Pertandingan Peringkat Negara yang akan dilangsungkan di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½ Jalan Tutong pada 14 Oktober yang akan datang.

Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh Ustazah Dayang Aishah binti Orang Kaya Maharaja Laila Haji Mohd Yusof, Pegawai Pelajaran Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam.

Majlis tersebut dihadiri oleh Pegawai-pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, jemputan-jemputan khas dan saudara-saudara baru.

Majlis pada hari itu telah diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Ustaz Haji Mohd Daud bin Juned.



DATIN Juliah binti Abdullah..... johan membaca Al-Quran.

Pegawai sedari tanggungjawab

PEKAN BANGAR. — Setiausaha Tetap, Kementerian Undang-Undang, Awang Haji Abas bin Haji Seruddin berkata semenjak negara ini menyambut hari kebangsaan kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan semakin sadar akan tanggungjawab mereka dalam memajukan negara dan memberikan perkhidmatan yang lebih efisien, amanah dan jujur.

Ini, kata beliau selaras dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang tidak kendur-kendurnya mengingatkan pegawai-pegawai kerajaan Baginda supaya sentiasa mengamalkan sikap tersebut.

Berucap di Majlis Kesyukuran Hari Keputeraan Baginda yang ke-88 dan sempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam anjuran penduduk-penduduk Daerah Temburong bertempat di Dewan Kemasyarakatan di sini pada malam Ahad lalu beliau seterusnya menjelaskan bahawa menurut penglihatan beliau kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan sekarang ini sering memikirkan bagaimana untuk memperbaiki mutu perkhidmatan mereka demi untuk kebaikan dan kema-

juan rakyat dan juga negara.

"Tetapi dalam mencapai tujuan murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memajukan rakyat dan negara ini, sebenarnya kita mengalami kekurangan tenaga yang cekap dan berkebolehan," ujar beliau.

Menurut Setiausaha Tetap itu apa yang nampaknya terjadi sekarang ini kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan terpaksa 'tarik sana tarik sini' untuk memenuhi keperluan-

keperluan jabatan atau kementerian untuk mendapatkan tenaga kerja yang berkelulusan dan berkebolehan di kalangan anak-anak tempatan.

Memandangkan negara ini kekurangan tenaga yang amat diperlukan itu, beliau menaruh harapan kepada penuntut-penuntut yang kini sedang menuntut di sana sini supaya menumpukan sepenuhnya terhadap pengajian mereka dan apabila beroleh kejayaan nanti akan dapat pula menyumbangkan tenaga mereka dan memajukan pembangunan negara.

Pengumuman

KEMENTERIAN Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya sekarang telah pun mengambil alih semua urusan Tuntutan Pembayaran Bekalan Air yang bermula pada awal bulan September lepas.

Oleh yang demikian orang ramai yang ingin membuat pembayaran bekalan air bolehlah melakukannya di Pejabat Sementara Jabatan Kerja Raya bahagian Pembayaran Air yang terletak di Jalan McArthur berdekatan dengan Jabatan Penerangan di ibu negara, bila-bila waktu pejabat dibuka.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 10 Oktober, 1984 hingga ke hari Selasa 16 Oktober, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
10	12.14	3.31	3.32	6.13	6.14	7.29	7.30	4.48	4.34	4.49	6.05	6.06
11-15	12.13	3.29	3.30	6.11	6.12	7.27	7.28	4.48	4.34	4.49	6.05	6.06
16	12.12	3.29	3.30	6.10	6.11	7.25	7.26	4.47	4.33	4.48	6.04	6.05

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

AKHLAK YANG BAIK UNTUK KEBAHAGIAAN DUNIA DAN AKHIRAT

MARILAH kita terus-menerus bertakwa ke hadirat Allah, ingat dan mengamalkan segala suruhan-Nya dan lari serta menjauhi diri daripada segala tegahan atau larangan-Nya.

Elok kita ulangi lagi mengenai dengan akhlak yang dituntut oleh Islam, yang bertujuan supaya umat ini berbahagia di dunia dan akhirat, akhlak Islam membawa pergaulan kita di dunia ini harmoni dan berakhlak yang baik. Sebaliknya akhlak yang buruk mengakibatkan kerosakan dan kacau-bilau kepada masyarakat.

Kerana itu untuk membina suatu masyarakat yang sihat dan penuh dengan rasa persaudaraan dan kerukunan sudah semestinya tiap-tiap anggota masyarakat itu sentiasa memelihara tata susila masyarakat iaitu dengan memiliki akhlak yang baik, yang mana di antaranya ialah bersifat jujur, boleh diper-

cayai, dan tiada berdusta baik terhadap sesama manusia atau kepada Allah Taala.

orang berani menerima pendapatan tidak halal, kerana sifat tidak jujur orang


Empat perkara yang barangsiapa ada padanya empat perkara itu ia benar-benar sebagaimana seseorang munafik. Dan barangsiapa ada padanya salah satu dari empat perkara itu nescaya ia ada mempunyai sifat sebahagian daripada munafik sehinggalah ia meninggalkan sifat itu. Empat perkara itu ialah : Kalau ia bercakap ia bohong, kalau ia berjanji ia mungkir, kalau ia ditangguhkan amanah ia khianat, dan kalau ia berbantah ia tiada pernah mengalah (sekalipun ia pihak yang salah).

Sebaliknya sifat tidak jujur, tidak boleh dipercayai dan suka berbohong adalah menjadi sumber segala kejahatan. Kerana sifat tidak jujurlah

berani menipu, kerana sifat tidak jujur orang berani berlaku aniyi, kerana sifat tidak jujur orang berani berkhianat kepada bangsa, negara dan agama.

Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam pernah bersabda antara lain yang kira-kira bermaksud : "Maka sesungguhnya bohong itu menentukan kepada dosa dan dosa itu menentukan kepada neraka."

Dan sifat bohong dan tiada jujur itu adalah salah satu ciri sifat-sifat orang munafik, sebagaimana sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam kira-kira bermaksud : "Empat perkara yang barangsiapa ada padanya empat perkara itu ia benar-benar sebagaimana seseorang munafik. Dan barangsiapa ada padanya salah satu dari empat perkara itu nescaya ia ada mempunyai sifat sebahagian daripada munafik sehinggalah ia meninggalkan sifat itu. Empat perkara itu ialah : Kalau ia bercakap ia bohong, kalau ia berjanji ia mungkir, kalau ia ditangguhkan amanah ia khianat, dan kalau ia berbantah ia tiada pernah mengalah



(sekalipun ia pihak yang salah).

Bagi kelancaran pembangunan masyarakat dan negara kita baik di bidang kebendaan lebih-lebih lagi bidang kerohanian, setiap orang wajiblah bersifat jujur, amanah dan lurus. Jujur dalam percakapan, jujur dalam perbuatan dan jujur dalam niat. Jika tidak, sudah

pasti ada sahaja kepincangan, ada saja kelambatan, ketidak lancaran, dan kebuntuan akan berlaku.

Oleh yang demikian, marilah kita mengikut tuntutan agama kita supaya kita sentiasa bersifat jujur dalam segala hal demi untuk kesejahteraan dan kemajuan hidup kita baik di dunia mahupun di akhirat.

BAGAIMANA KALAU LELAKI BERCELAH MATA

Menuju keredaan Allah

ADA sebahagian orang, sama ada laki-laki atau perempuan apabila melihat laki-laki memakai celak mata, menganggap bahawa laki-laki yang memakai celak mata itu adalah pondan atau bersifat kewanita-an, bahkan ada juga yang mentertawakannya kerana merasa geli hati dan merasa ganjil kalau laki-laki bercelah mata. Perasaan atau anggapan mereka yang masuk dalam golongan ini ada juga barangkali benarnya kalau dipandang dari segi amalan-amalan yang biasa dilakukan oleh orang-orang kita dalam kehidupan sehari-hari, kerana menurut lazimnya yang selalu kita lihat bercelah mata adalah golongan perempuan, terutamanya anak-anak gadis.

Dari segi pandangan agama apakah anggapan mereka ini betul atau salah? Sebenarnya anggapan mereka yang seperti ini adalah tidak tepat, walaupun sekiranya mereka juga menganggap bercelah itu sebagai mencontohi atau menyerupai perbuatan perempuan, yang sememangnya dilarang oleh agama, juga adalah tidak tepat, kerana ajaran yang dibawa oleh Nabi Besar kita Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam bercelah itu adalah disuruh bahkan disunatkan bagi laki-laki mahupun perempuan, bagi yang tua ataupun bagi yang muda. Kita perhatikan hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang

diriwayatkan oleh Imam At-Termizi daripada Ibnu Abbas Radiallahu anhu yang artinya :

"Bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda : Bercelahlah kamu dengan debu yang diolah daripada batu, kerana sesungguhnya bercelah itu memperkuat pemandangan mata juga memperlebat bulu mata."

Di antara fahaman yang diperolehi daripada hadis tersebut ialah bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam sendiri menyuruh umatnya bercelah dan hikmat bercelah itu pula ialah untuk mengubati mata, kalau yang agak kabur menjadi terang, kalau yang sudah sedia terang pemandangannya bertambah terang lagi, juga sebagai memperindah bentuk bulu mata.

Begitulah di antara hikmat atau faedah bercelah, sebagaimana juga dijelaskan dalam hadis-hadis selain daripada hadis yang kita sebut di atas. Kemudian kalau kita

membalik-balik sejarah kelahiran Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, kita akan menjumpai satu keterangan yang menyebutkan, bahawa Baginda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam semasa dilahirkan ke dunia, kedua belah mata Baginda yang mulia telah sedia ada bercelah.

Selain daripada apa yang kita sebutkan di atas, sebahagian Ulama penyusun kitab-kitab Hadis ada yang menjadikan Bab atau Fasal khas dalam kitab mereka yang membicarakan tentang sunat dan adanya hikmat bercelah ini, misalnya : Imam 'Azim bin Abdul Kawi Al-Mundzir dalam kitabnya At-Targhib Wa At-Tarhib dan Imam Termizi dalam kitabnya Al-Syama'il Al-Muhammadiyah. Semua ini membuktikan bahawa bercelah itu adalah suatu amalan yang dibolehkan agama dan tidaklah patut dianggap ganjil kalau seorang laki-laki bercelah walaupun ianya jarang diamalkan oleh pihak laki-laki.

Orang yang sakit mata, sama ada yang peman-dangannya kabur, yang merasa perih dan ngilu ataupun yang inginkan supaya matanya sentiasa baik, akan berusaha mencari ubat yang sesuai melalui tabib-tabib atau doktor-

doktor mata di hospital mahupun di klinik-klinik dan biasanya ubat atau perawatan yang mereka terima adalah ubat-ubatan yang serba moden, sesuai dengan kemajuan Ilmu Perubatan. Kalau setakat sakit biasa, perawatan yang mereka terima pun adalah ala kadarnya saja, kalau sakinnya sudah teruk, imma matanya akan dibedah ataupun yang paling sedihnya, matanya akan dibuang sama sekali, diganti dengan mata lain, sama ada mata palsu ataupun mata orang lain yang masih boleh dipakai.

Berusaha memelihara mata supaya tetap dapat melihat, memanglah seperkara yang disuruh, kerana mata yang dimiliki manusia adalah salah satu pancaindera yang telah diamanahkan oleh Allah Taala agar disyukuri dan dipakai kepada jalan yang baik. Mensyukuri mata dan mempergunakannya kepada jalan yang baik, selain daripada memeliharanya jangan sempat melihat yang haram-haram, ialah dengan menjadikannya sebagai alat menambah iman menambah ilmu tentang betapa banyak dan besarnya ayat atau tanda keagungan Allah Taala yang tersergam indah di persada alam ini. Dengan baik dan sempurna pandangan mata se-

seorang dapatlah ia menikmati beraneka pemandangan-pemandangan ciptaan Allah Taala, dapatlah ia membaca buku-buku dan dengan itu pula bertambahlah iman dan ilmunya.

Justeru kerana itulah mata yang sangat berharga itu mestilah dipelihara dan dirawat dengan baik, terutama sekali apabila ianya sudah dirasai sakit, mestilah mata yang sangat berguna itu cepat diperiksa ke pakar atau tabib-tabib mata.

Di samping itu pula, alangkah baiknya dicuba, diamalkan apa yang pernah diamalkan oleh Baginda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dan dianjurkan pula untuk diamalkan oleh umatnya, iaitu bercelah, baik laki-laki mahupun perempuan, iaitu bagi memperoleh faedah atau hikmat yang disebutkan Nabi itu.

Jikalau sekiranya ada yang merasa malu memakainya, kerana jarang sekali diamalkan oleh kaum lelaki, maka sebagai jalan tengah untuk mengatasi perasaan malu ini, bolehlah dipakai pada malam hari saja, iaitu ketika mahu tidur dan pada keesokan harinya

sewaktu mengambil air sembahyang Subuh ianya dengan mudah dapat disapu atau dibasuh. Mengikut hadis yang diriwayatkan oleh Yazid bin Harun yang dikeluarkan oleh Imam Termizi dalam kitabnya Al-Syama'il Al-Muhammadiyah bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam ada mempunyai alat tempat celak dan bercelah dengan-nya ketika mahu tidur sebanyak tiga kali pada setiap sebelah mata. Jadi cara ini dapatlah mengatasi maru tersebut, artinya kalau malu dilihat orang lain, eloklah dipakai sewaktu mahu tidur.

Untuk mendapatkan celak yang baik, yang dioleh dari batu khas, biasanya mudah didapati pada orang-orang yang sudah pergi Haji, kerana pada umumnya mereka yang pulang dari Tanah Suci akan membawa celak jenis ini, sama ada sebagai oleh-oleh, kenang-kenangan mahupun sebagai persediaan untuk dipakai.

Sesungguhnya segala anjuran Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, termasuk bercelah ini adalah tetap mengandungi suatu hikmat atau faedah yang tertentu, walaupun terkadang akal fikiran tidak dapat mengetahuinya.

PADANG RASAU KELUARKAN HASIL

PADANG Rasau telah membuat satu lagi perkembangan dengan telaga penggalian percubaan — Rasau-8 sekarang sedang mengeluarkan hasil.

Telaga ini yang telah digali bulan lepas mengesahkan keluasan yang dipertimbangkan ke atas simpanan-simpanan minyak yang sudah diketahui walaupun padang tersebut tidak dapat dikatakan sebagai padang yang besar seperti Seria.

Wiebe van der Vlugt dari Jabatan Geologi Penghasilan berkata Shell Brunei telah mencarigali bagi hidrokarbon di kawasan itu sejak tahun 1929 tetapi hanya mendapat bilangan hidrokarbon yang terkandung di situ mempunyai nilai perniagaan dalam tahun 1979/1980 apabila mencarigali Rasau-5 dan Rasau-7. Beliau menambah kejayaan ini semata-mata disebabkan oleh data seismik yang baik diperolehi dan penilaian semula laporan telaga lama.

Dua buah lagi telaga baru sedang digali untuk dimajukan dalam penambahan ini dan Bahagian Perkembangan (Kejuruteraan Petroleum) mungkin akan mencarigali lebih banyak lagi telaga di masa akan datang, untuk pengaliran bagi penambahan

ini selain dari taksiran selanjutnya untuk mentarifikan keupayaan-keupayaan padang tersebut yang mungkin akan dapat diperluaskan di bawah Sungai Belait.

Tom Hooft dari EPS berkata bahawa mereka sedang mengendalikan kedua-dua pengurusan projek sivil dan mekanikal dan pembinaan serta sokongan juga telah diberikan kepada aktiviti-aktiviti penggalian ODL, seperti menyediakan perumahan dan bekalan air untuk Rig Darat dan Rig2.

"Telaga Rasau yang ditaksiran itu telah siap pada 2 September dan LLR-2 sekarang dijangka akan menyiapkan telaga perkembangan Rasau-9 kira-kira awal bulan Oktober. Dalam

jangkamasu itu kawasan Rasau-10 akan disediakan bagi kawasan yang terakhir dilawat oleh rig itu dalam tahun 1984," tambahnya.

Di bahagian mekanikal telaga taksiran Rasau-8 telahpun siap dan sedang menghasilkan. Kerja ke atas saluran paip dan sebagainya bagi Rasau-9 dan 10 sedang dimajukan dalam masa yang ditetapkan. Kesemua kerja mekanikal dijalankan oleh Mechnico sebuah pemborong bumiputera yang menggunakan kontrak perkhidmatan EPS yang bernilai berjuta-juta ringgit.

Rekabentuk yang dibuat oleh EDE/33 mengandungi beberapa pembaharuan terhadap perkembangan di padang di darat di mana ianya menggunakan saluran

paip tersendiri 2" mengeluarkan ke dalam pukal sekatahan minyak biasa. Talian-talian minyak dan pengangkutan gas. Rasau-7 yang ada sekarang telah ditukar kepada sekatahan pengangkutan gas. Rasau-7 akan dikeluarkan ke dalam pukal sekatahan begitu juga Rasau-8,9 dan 10.

Kesemuanya ini memberikan berkesudahan dengan penyelamatan kewangan yang bernilai kira-kira 15 peratus ke atas kerja mekanikal. Walaupun keputusan telah diambil untuk melaksanakan sistem pukal sekatahan Rasau berdasarkan ekonomi 1984, kebaikan penuh bagi sistem ini hanya akan menjadi nyata apabila banyak lagi telaga-telaga akan digali di masa akan datang. Dua dari yang pertamanya yang mana dijadualkan pada bulan September/Oktober 1985.



Jika awda menghargai komputer jadilah ahlinya

JIKA awda menghargai kegunaan komputer jadilah seorang ahli di persatuan Komputer Brunei Darussalam. Inilah matlamat yang hendak disampaikan oleh John De Cruz dari FIC/8

kepada rakan-rakan mereka di BSP.

Penggunaan komputer di negara ini bermula sejak beberapa tahun lalu namun penggunaannya terbatas dan peratusnya yang kecil bagi penduduk negara ini yang hanya mengenal komputer sebagai pelajar di luar negeri dan kemudian bekerja di bidang yang berkaitan dengan memproses data dan penerangan.

Komputer-komputer juga digunakan dalam bidang pelajaran untuk memberi pengetahuan di peringkat permulaan kepada para pelajar.

"Persatuan Komputer Brunei Darussalam telah ditubuhkan dalam tahun 1983 oleh sekumpulan kecil terdiri dari kerajaan dan sektor persendirian termasuk BSP untuk menambah bilangan dan memperkembangkan pengetahuan dan penggunaan komputer di kalangan para penduduk negara ini," kata John.

Untuk mencapai objektif-objektif tersebut, beberapa perjumpaan, seminar, pertunjukan dan bahan-bahan bacaan akan dianjurkan. Aktiviti-aktiviti ini nanti akan memudahkan lagi untuk bertukar-tukar fikiran dan berkongsi menggunakan bahan-bahan yang ada di antara ahli-ahli dan mereka dari persatuan-persatuan antarabangsa yang lain. Pertunjukan-pertunjukan membolehkan pengeluaran-pengeluaran mas kini dan perkembangan-perkembangan baru diperkenalkan kepada orang ramai umumnya.


Jika awda tertarik untuk menjadi ahli dalam menyokong persatuan ini, ianya adalah terbuka, para pekerja bolehlah menghubungi John De Cruz dari FIC/8.

Lawatan penuntut biasiswa

SERAMAI 27 orang penerima biasiswa Shell Brunei telah melawat syarikat baru-baru ini.

Pelajar-pelajar tersebut terdiri daripada mereka yang menuntut dalam tingkatan enam dan lima dan adalah penerima-penerima biasiswa bagi tahun keduanya.

Mereka telah diberi penerangan mengenai dengan operasi dan latar belakang syarikat, kerjaya bagi graduan serta komputer.



SEMASA kerja-kerja ujian dijalankan di Rasau

BUJANG: USAHAWAN BERGIAT DI BSP

SEPANJANG beberapa tahun yang lalu kita dapat melihat bertambahnya pengalihan para pemborong bumiputera dengan perusahaan Shell

Brunei. Ini jelaslah satu perkembangan penting yang menunjukkan kesedaran para pengusaha bagi mendapatkan peluang-peluang yang ada.

Penyertaan-penyertaan mereka menerima sokongan penuh dari syarikat. Jabatan Perkembangan Perdagangan Tempatan (PBA) telah ditubuhkan kira-kira tiga tahun yang lalu bagi faedah (kebaikan) para usahawan, menasihatkan mereka cara-cara membuat perusahaan dengan syarikat dan memberikan bantuan sehingga sejauh membuat pendaftaran dengan syarikat. Seminar-seminar perdagangan yang diberikan kepada mereka telah dipandang sebagai satu latihan untuk membantu para pemborong meninggikan lagi kemahiran-kemahiran perniagaan mereka pada keseluruhannya, langkah tersebut diusahakan untuk membuat mereka lebih setanding dan berjaya dalam perusahaan mereka.

Para pemborong pemborong ini terlibat secara aktif dalam beberapa bilangan kerja yang diperlukan oleh Shell Brunei dalam peringkat harga beberapa ribu ringgit untuk sebuah projek kecil hingga ke harga berjuta-juta ringgit bagi sebuah projek teknikal yang bermutu tinggi.

Bujang Rassin memberikan keterangan kepada kami bagaimana mulanya beliau dalam usaha dengan Shell Brunei... satu langkah yang sama diikuti oleh para pemborong bumiputera yang lain kepada syarikat.

Bujang telah memulakan usaha beliau dalam tahun 1982 dengan hanya sedikit kewangan dan pengetahuan dalam bidang perniagaan. Berumur 37 tahun beliau mengambil keputusan untuk menjadi seorang majikan bukan seorang gajian.

Beliau menjadi ejen pengirim untuk membuat bungkusan terhadap barang-barang persendirian mereka yang meninggalkan negara ini dan juga membuat pernyataan kastam bagi pekedai-pekedai di Daerah Belait.

"Setahun selepas memulakan perniagaan saya ini, saya dapat melihat dengan minatnya yang mendalam terhadap harapan yang baik untuk menjalankan pengusahaan dengan Shell Brunei. Projek pertama saya dengan syarikat ialah mengubahsuai dapur dan pembinaan perpustakaan Sekolah Panaga... satu perusahaan yang kecil tetapi menguntungkan.

"Saya dapat menyelamatkan sedikit wang dan ini membolehkan saya membuat kerja di lain-lain bidang. Pada masa ini saya menjalankan empat buah borongan. Yang pertama ialah untuk menyediakan 24 orang pemandu untuk SSU, membekalkan empat buah kereta bagi perkhidmatan penghantaran surat menyurat, mengubahsuai busawat telefon dan pembinaan sebuah stor bagi SES/4.



BUJANG RASSIN

Pelukis muda terima hadiah

PEMENANG-PEMENANG peraduan melukis kanak-kanak yang dianjurkan oleh Brunei Shell telah menerima hadiah mereka masing-masing yang disampaikan oleh Awang Haji Abu Bakar bin Apong, Pengarah Pelajaran pada 14 September yang lalu.

Sebelum penyampaian hadiah dilangsungkan, beliau menerangkan bahawa bidang seni lukis adalah memainkan peranan penting bagi menggambarkan perasaan seorang murid, terutama sekali murid yang berada di sekolah rendah. Beliau menambah lagi bahawa lukisan yang dipamerkan adalah melambangkan perkembangan dan pertukaran corak kehidupan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Lebih dari 50 orang kanak-kanak hadir di Dewan STPRI bagi menerima hadiah mereka masing-masing yang berupa barang-barang pembinaan, basikal dan alat-alat mainan.

Turut berucap bagi mewakili Shell Brunei ialah Awang Ahmad bin Haji Shahari.

Lebih 4,500 penyertaan telah diterima dari lebih kurang 200 orang murid sekolah-sekolah rendah seluruh negara untuk menyertai pertandingan itu yang dianjurkan oleh Shell Brunei dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Brunei. Hakim adalah terdiri daripada guru-guru yang dilantik.

Pemenang-pemenang adalah seperti berikut, enam ketujuh tahun ialah Lee Kun Hong dari Happy Kindergarten Tutong — Perarakan Askar. (Hadiah pertama); Hong Ching Fook, Ching Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan — Terjun Payung; Burhan Juhdi Mohd Noor, Sekolah Orang Kaya Setia Bakti Kilanas — Perlumbaan Perahu Di Air Sungai Brunei.

Di antara lapan kesembilan tahun ialah Maswardi Mohammad, Sekolah Melayu Laila Menchanai Kampung Ayer, — Perhimpunan Agung dan Perbarisan Perarakan; Md. Shofyan Haji Bongsu Sekolah Melayu Laila Menchanai Kampung Ayer — Lumba Perahu; Siti Tahmahwati Haji Mohd Tanjong Sekolah

Melayu Sengkuring — Lumba Perahu.

Pemenang yang berumur di antara sepuluh hingga sebelas tahun iaitu Foo Gwen Shiun, Chung Ching Middle School — Tarian Asli; Saiful Azulashikin Ramli Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Kampong Sengkarai Tutong — Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan; Mohamad Norshafie Abdul Jalil SPI Bendahara Sakam Bunut — Permainan Bunga Api.

Duabelas ketigabelas tahun ialah Awangku Rasman Pengiran Sulaiman SPI Delima Satu — Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan; Talip bin Tuah Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil — Perarakan Di Air; Shaipin Abu Bakar, Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Kampong Sengkarai Tutong — Perhimpunan Agung, — Perbarisan Dan Perarakan.

Pertandingan ini adalah aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Syarikat Minyak Shell Brunei dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Brunei.

KEBERANGKATAN TIBA DI NEW YORK

KEBERANGKATAN tiba di bawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada pagi 20 September 84 di Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy telah dialu-alukan oleh adinda Baginda DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah. Turut sama mengalu-alukan ialah TYT John Monjo, Timbalan Penolong Setiausaha Bagi Hal-Ehwal Asia Timur dan Pasifik dari Jabatan Negara, Amerika Syarikat dan TYT Aly Ismail Teymour, Ketua Protokol PBB.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP WAKIL TETAP ASEAN

Di sebelah tengah hari Baginda telah berkenan menerima mengadap wakil tetap negara-negara anggota ASEAN ke PBB yang terdiri daripada TYT Tan Sri Zain Azraai, Wakil Tetap Malaysia, TYT Luis Moreno Selcedo, Wakil Tetap Filipina, TYT Kishore Makubani, Wakil Tetap Singapura, TYT Birabhongse Kasemari, Wakil Tetap Thailand dan TYT Poedji Koentarto, Timbalan Wakil Tetap Indonesia. Hadir sama dalam majlis ini ialah TYT Haji Omar bin Haji Serudin, Wakil Tetap Brunei ke PBB.

MENERIMA MENGADAP MENTERI HAL-EHWAL LUAR NEGERI, MALAYSIA

Sebelum berangkat ke Bangunan PBB pada pagi 21 September 84 Baginda telah berkenan menerima mengadap Yang Berhormat Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri, Malaysia yang mengetuai rombongan perwakilan Malaysia ke Perhimpunan Agung ke-39 PBB tersebut.

KEBERANGKATAN TIBA DI BANGUNAN SEKRETARIAT PBB

Setiausaha Agung PBB, TYT Perez De Cuellar telah mengalu-alukan keberangkatan Baginda di hadapan pintu masuk utama bangunan Sekretariat PBB. Baginda seterusnya mengadakan perundingan singkat dengan Setiausaha Agung PBB itu, selepas itu Baginda dijunjung pula oleh TYT Paul Lusaka, Presiden Perhimpunan Agung ke-39 PBB bagi mengadakan perbincangan singkat.

Menyertai Baginda dalam perundingan ini ialah adinda-adinda Baginda DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah.

PRESIDEN PERHIMPUNAN AGUNG KE-39 PBB MENGISYTIHARKAN

Di atas podium Perhimpunan Agung PBB, kemasukan Brunei Darussalam ke pertubuhan dunia itu telah diisytiharkan oleh Presiden Perhimpunan Agung ke-39 PBB, TYT Paul Lusaka yang duduk di tengah, dengan diapit di sebelah

SEKITAR KEMASUKAN BRUNEI DARUSSALAM KE PBB

Oleh: Mohd. Salleh Abdul Latif
(Pembantu Akhbar yang bertugas membuat liputan)

kanan oleh TYT Perez De Cuellar, Setiausaha Agung PBB dan di sebelah kirinya pula ialah TYT William Bufun, Setiausaha Perhimpunan Agung ke-39. Hari itu ialah tanggal 21 September 1984.

Pengisytiharan itu dikumandangkan di hadapan para perwakilan negara anggota PBB yang kesemuanya berjumlah 158. Dengan kemasukan Brunei Darussalam ke PBB bererti PBB telah mempunyai 159 buah negara anggota.

Keanggotaan Brunei Darussalam ini bermula dari sokongan Majlis Keselamatan pada 24 Februari 84 supaya Brunei Darussalam diterima menjadi anggota PBB. Keanggotaan Brunei Darussalam ini diterima secara sebulat suara, tanpa ada tentangan pun dari mana-mana negara anggota PBB.

Negara Anggota ASEAN dan United Kingdom telah mencadangkan kemasukan Brunei Darussalam ke PBB ini dengan disokong dan dicadong bersama kemudiannya oleh 106 buah negara yang merupakan suatu jumlah terbanyak pernah terjadi dalam sejarah PBB terhadap kemasukan anggota baru ke pertubuhan dunia itu.

MENGAMBIL TEMPAT DI PERHIMPUNAN AGUNG PBB

Kedudukan negara anggota di PBB ini ialah ditentukan sesuai dengan susunan abjad Inggeris, jadi Brunei Darussalam ditempatkan selepas negara Brazil.

Baginda dijunjung untuk mengambil tempat yang telah disediakan itu sebaik-baik sahaja TYT Paul Lusaka selesai mengisytiharkan kemasukan secara rasmi Brunei Darussalam ke PBB itu. Menyertai Baginda untuk pertama kali duduk di tempat perwakilan negara anggota di Dewan Perhimpunan Agung PBB itu ialah adinda-adinda Baginda DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-undang dan Perhubungan, YAM Pengiran Sanggamara Diraja Bregedier Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Dato Paduka Selamat bin Munap, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, dan TYT Awang Haji Omar bin Hj. Seruddin Wakil Tetap ke PBB.

SEMBAH UCAP TAHNIAH DARI PERWAKILAN PBB

Kemudian TYT Presiden Perhimpunan Agung ke-39 PBB mempersilakan wakil kawasan dari seluruh dunia untuk menyampaikan tahniah

masing-masing atas keanggotaan Brunei Darussalam ke pertubuhan dunia itu.

Mula-mula yang menyampaikan sembah ucap tahniah yang dibacakan di podium Perhimpunan Agung PBB itu ialah TYT Sir John Thomson, Wakil Tetap United Kingdom ke PBB yang menjelaskan secara ringkas mengenai dengan hubungan persahabatan antara United Kingdom dengan Brunei Darussalam yang bermula sejak tahun 1847 hingga kepada penandatanganan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama pada tahun 1979. Beliau selanjutnya melahirkan rasa sukacita kerana Brunei Darussalam diterima menjadi negara anggota PBB dengan cara sebulat suara. Ini petanda yang cerah bagi masa depan Brunei Darussalam.

Kemasukan Brunei Darussalam ke PBB adalah juga merupakan sejarah tersendiri bagi ASEAN, untuk itu penghargaan setinggi-tingginya patut diberikan kepada Brunei Darussalam, demikian antara lain sembah ucap tahniah dari YB Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Malaysia yang berucap mewakili negara ASEAN. Sejak Brunei Darussalam menganggotai ASEAN, katanya, Brunei Darussalam telah melibatkan diri secara aktif dan membina.

Kami penuh yakin Brunei Darussalam boleh memberikan sumbangan-sumbangan yang berharga dan positif kepada PBB, kata TYT Said Rajaie Khorasani, Wakil Tetap Iran yang bercakap mewakili negara-negara Asia.

Wakil Tetap Botswana TYT Legwaila J.M.J. Legwaila yang berucap bagi pihak negara-negara Afrika pula mengalu-alukan kemasukan Brunei Darussalam ke PBB dengan memberi gambaran bahawa tahun demi tahun PBB menerima keanggotaan baru dari negara yang baru mencapai kemerdekaan. Hari ini Brunei Darussalam diterima jadi keluarga PBB, katanya, besok mungkin Namibia.

Keanggotaan Brunei Darussalam ke PBB adalah langkah ke depan dalam melaksanakan prinsip piagam PBB terutama yang berhubung dengan dasar penjahatan, demikian ucap sembah tahniah dari TYT Harry Ott, Wakil Tetap Republik Demokratik Jerman bagi mewakili negara-negara Eropah Timur.

TYT Javier Arias Stella, Wakil Tetap Peru yang berucap bagi negara-negara Latin Amerika dan negara-negara Caribbean menyatakan harapan agar kemasukan Brunei Darussalam ke PBB ini akan merapatkan lagi hubungan dan kerjasama antara Brunei Darussalam dengan negara-negara Latin Amerika dan negara-negara Caribbean.

TYT Sir John Thomson sekali lagi berucap bagi mewakili negara-negara Eropah Barat dan lain-lain negara dengan berkata bahawa negara-negara yang mencadangkan bersama kemasukan Brunei Darussalam ke PBB itu adalah membuktikan keyakinan negara-negara berkenaan atas kemampuan Brunei Darussalam dalam memikul tanggungjawab bersama prinsip piagam pertubuhan dunia ini.

Hubungan istimewa antara negara-negara Arab dengan Brunei Darussalam dalam mencapai matlamat negara-negara Arab terutama mengenai masalah Palestine, kata TYT Abdalla Saleh Al-Ashtal Wakil Tetap Demokratik Yemen mewakili negara-negara Arab, akan menambahkan lagi sokongan di kalangan negara-negara Arab dalam usaha tuntutan pengunduran tentera asing dari bumi Palestine.

Amerika Syarikat berasa sukacita mencadong bersama keanggotaan Brunei Darussalam ke PBB, dan sebagai negara anggota ASEAN serta Komanwel, keahlian Brunei Darussalam ke PBB sangat-sangat dialu-alukan, demikian antara lain ucap sembah tahniah dari TYT Mrs Jeanne Kirkpatrick Wakil Tetap Amerika Syarikat ke PBB yang berucap selaku tuan rumah. Amerika Syarikat telah menjalin hubungan-hubungan yang saling bersebelahan dengan Brunei Darussalam sejak 100 tahun yang lalu, menurutnya lagi, kedutaan Besar Amerika Syarikat telah ditubuhkan sebaik-baik sahaja Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya. Beliau berkeyakinan di bulan-bulan dan tahun-tahun yang akan datang semua negara anggota PBB akan memperoleh manfaat dengan adanya perwakilan tetap Brunei Darussalam di pertubuhan dunia ini.

Sembah ucap tahniah yang diucapkan itu rata-rata membayangkan kekaguman perwakilan-perwakilan dari rantau dunia itu terhadap cara dan kebijaksanaan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengatur langkah-langkah pencapaian kemerdekaan itu sehingga Brunei Darussalam berjalan lancar dengan menganggotai ASEAN, pertubuhan Persidangan Islam, Komanwel dan seterusnya diterima secara sebulat suara menjadi anggota PBB yang ke-159. Suatu kebijaksanaan dipolitik yang begitu dikagumi oleh masyarakat dunia. Dan tidak hairan perwakilan-perwakilan itu menaruh harapan yang positif dan membina terhadap Brunei Darussalam dalam memikul dan memelihara bersama tanggungjawab antarabangsa terhadap keman-tarabangsa prinsip piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

TITAH SULUNG BAGINDA DI PBB

Selesai sahaja sembilan orang perwakilan dari rantau dunia menyembahkan ucap tahniah mereka, maka Presiden Perhimpunan Agung ke-39 Pertubuhan Dunia itupun menjunjung Baginda untuk menyampaikan titah sulung di atas podium perhimpunan agung. (Teks penuh dan terjemahannya di muka surat 9 & 12).

Selasai sahaja Baginda bertitah di podium Perhimpunan Agung PBB itu, tepukan gemuruh bergema dari semua perwakilan yang berjumlah 158 buah negara. Semua mata tertumpu ke atas podium memerhatikan seorang ketua negara yang juga ketua kerajaan sebuah negara yang berpenduduk lebih sedikit 200,000 nyawa dengan pendapatan kasar negara yang paling tinggi di dunia serta satu-satunya negara tunggal di bumi sejagat ini yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-jamaah.

JAMUAN DI SOUTH LOUNGE

Selepas itu Baginda dijunjung ke ruang South Lounge yang hampir dengan Dewan Majlis Keselamatan untuk bercemer duli ke jamuan yang diberikan oleh Setiausaha Agung PBB, TYT Perez De Cuellar bagi menghormati keanggotaan Brunei Darussalam ke pertubuhan dunia itu.

BERKENAN MENGURNIAKAN DERMA KEPADA UNICEF

Bersempena dengan keanggotaan Brunei Darussalam ke PBB, Baginda telah berkenan mengurniakan derma sebanyak US\$1 juta kira-kira \$2 juta ringgit Brunei untuk Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu United Nation Children Fund (UNICEF) yang telah diserahkan kepada Setiausaha Agung PBB.

UPACARA PENARIKAN BENDERA BRUNEI DARUSSALAM DI PBB

Pada sebelah petang 21 September 1984 di hadapan ibu pejabat PBB, upacara penarikan bendera Brunei Darussalam pun dilakukan dengan seorang pegawai keselamatan PBB yang berpakaian seragam biru muda menarik perlahan-lahan bendera Brunei Darussalam menyertai bersama kibaran bendera dari 158 buah negara anggota PBB.

Upacara penarikan bendera itu disaksikan oleh Baginda sendiri dengan disertai oleh adinda-adinda Baginda DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah dan DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah, serta ahli-ahli rombongan yang mengiringi Baginda.

TYT Paul Lusaka, Presiden Perhimpunan Agung ke-39 PBB, TYT Perez De Cuellar, Setiausaha Agung PBB dan beberapa buah perwakilan negara-negara anggota PBB juga ikut serta dalam upacara itu.

Bendera Brunei Darussalam berkibar di satu kawasan yang dinamakan sebagai zon antarabangsa iaitu international zone dalam mana di kawasan ini terkibar juga 158 buah bendera negara anggota PBB. Persekitaran ibu pejabat PBB dan bangunan-bangunan kepunyaannya adalah diisytiharkan sebagai zon antarabangsa yang dipunyai bersama dan dipelihara bersama oleh 159 buah negara anggota PBB.

PENGURNIAAN DERMA KEPADA DATUK BANDAR NEW YORK

Sebelah pagi 22 September 1984 sebelum Baginda berangkat pulang, Baginda telah berkenan mengurniakan derma US\$500,000 kepada TYT Edward Koch, Datuk Bandar New York sebagai bantuan Baginda bagi membiayai makanan para warga tua yang terbiar di bandar itu.

TYT Edward Koch pula telah menyembahkan kepada Baginda cenderamata sejenis kunci yang diperbuat dari tembaga kuning yang disimbolkan sebagai 'kunci Bandar New York'.

BERANGKAT PULANG

Kemudian Baginda berangkat pulang setelah bersama dalam upacara penerimaan masuk Brunei Darussalam ke PBB itu.

JAMUAN YANG DIBERIKAN OLEH MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI

DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah memberikan satu jamuan di suatu tempat terkemuka di New York bagi merayakan kemasukan Brunei Darussalam ke PBB itu.

Dianggarkan sejumlah kira-kira 130 orang para diplomat dari negara anggota PBB telah hadir dalam majlis yang permai ini termasuklah para diplomat dari negara anggota ASEAN.

PENUTUP

Dengan kemasukan Brunei Darussalam ke PBB maka akan bermulalah lagi tapak baru bagi negara ini dalam percaturan politik antarabangsa setelah ikut serta dalam ASEAN, dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Komanwel.

Semuanya ini menuntut kematangan rakyat Brunei Darussalam dalam segala aspek kehidupan dengan rasa bersyukur serta meneguhkan cita-cita dalam mencapai pelbagai kemajuan yang sentiasa berharap akan mendapat keredaan Allah jua.

PERTUBUHAN KHAS BANGSA-BANGSA BERSATU

(Sambungan minggu lalu)

Oleh: Mohd Salleh bin Abd. Latif

PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA

KESIHATAN adalah perlu untuk semua manusia. Manusia tidak dapat berfikir secara cemerlang dengan sempurna kalau kesihatannya terjejas. Menyedari hal ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu 'World Health Organization' (WHO) ditubuhkan pada tahun 1948 setelah 26 buah negara anggota PBB menandatangani.

MENURUT WHO, seorang manusia yang sihat itu ialah "orang yang berada dalam keadaan kesejahteraan badan, otak dan kemasyarakatan sepenuhnya, bukan hanya berada dalam keadaan bebas dari penyakit-penyakit berjangkit, berpenyakit" atau menurut WHO, seorang manusia yang sihat itu ialah "orang yang berada dalam keadaan kesejahteraan badan, otak, dan kemasyarakatan sepenuhnya, bukan hanya berada dalam keadaan bebas dari penyakit atau keuzuran."

WHO melaksanakan fungsinya melalui Perhimpunan Kesihatan Sedunia, Lembaga Kerja, enam buah Jawatankuasa Kawasan dan Sekretariat. Perhimpunan Kesihatan Sedunia membentuk peraturan-peraturan bagi mengawal kesihatan antarabangsa yang bersidang tiap-tiap tahun. Ia juga menetapkan dasar dan perbelanjaan ILO keseluruhannya. Perhimpunan ini dianggotai oleh semua negara anggota, dan punya hak satu suara setiap anggota. Pakar-pakar kesihatan yang berkhidmat selama tiga tahun duduk dalam Lembaga Kerja bagi melaksanakan keputusan-keputusan yang telah diambil dalam Perhimpunan Kesihatan Sedunia. Pakar-pakar ini semuanya 24 orang yang diambil dari negara anggota dan dipilih oleh perhimpunan. Lembaga Kerja

berhak mengambil keputusan untuk melancarkan bantuan-bantuan darurat yang diperlukan oleh sesebuah negara yang terdesak umpamanya negara itu diselubungi oleh wabak penyakit.

SEKRETARIAT WHO yang beribu pejabat di Geneva ini diketuai oleh Pengarah Agung dan kakitangannya terdiri daripada pakar doktor, jururawat dan pakar-pakar perubatan, pegawai pentadbir dan kakitangan teknikal. Mereka ini disebarkan di pejabat-pejabat cawangan di merata dunia seperti di Manila, New Delhi, Copenhagen dan Washington.

WHO terbuka luas untuk semua negara di dunia ini sama ada anggota PBB maupun bukan anggota. WHO berfungsi bagi menyatukan usaha-usaha kesihatan antarabangsa, pembasmian wabak penyakit, meningkatkan mutu kesihatan dan mutu perubatan serta membantu negara anggota dengan nasihat-nasihat kepakaran mengenai kesihatan dan perubatan.

NEGARA yang baru membangun selalunya kekurangan pakar perubatan serta kesihatan lalu mengambil pakar-pakar luar untuk berkhidmat dalam negara berkenaan dipinjamkan jangan hanya mencurahkan bantuan berupa kewangan kerana hal ini hanya akan menambah jurang kerana bantuan kewangan yang banyak tidak bererti kepada negara penerima yang tidak mahir, tidak terlatih, tidak berpengalaman dalam bidang perubatan.

KEBERSIHAN dan makanan yang bermutu mengambil peranan yang penting dalam mengwujudkan masyarakat yang cekap, berfikir matang dan berpandangan jauh.

PERTUBUHAN PENERBANGAN AWAM ANTARABANGSA

PERSETUJUAN 52 buah negara dalam suatu Konvensyen Penerbangan Awam pada bulan November 1945 di Chicago telah melahirkan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (Civil Aviation Organization - ICAO). ICAO bergabung dengan PBB pada bulan Oktober 1947, dan diserapkan menjadi pertubuhan khas PBB. Tujuan utama ICAO ialah penyatuan segala aspek yang berkait rapat dengan penerbangan antarabangsa.

SEPERTI halnya dengan pertubuhan khas yang lain, ICAO dikendalikan melalui Majlis Perhimpunan, Majlis Mesyuarat dan sekretariat.

SETIAUSAHA Agung mengetuai Sekretariat ICAO yang berpusat di Montreal, Kanada. Sekretariat ini mengandungi Jabatan Undang-Undang, Jabatan

Bantuan Teknik, Jabatan Penerbangan Udara, Jabatan Kenderaan Udara dan Jabatan Perkhidmatan Pentadbiran.

SIFATNYA sebagai pertubuhan antarabangsa maka ICAO membuka enam buah cawangan yang masing-masing ditempatkan di Bangkok, Paris, Lima Mexico, Dhaka dan Kahirah. Pusat-pusat latihannya pula ditubuhkan di Thailand, India, Mexico, Morocco dan Tunisia.

ICAO telah juga menetapkan peraturan-peraturan lalulintas, kaji cuaca, landasan lapangan terbang, penyiasatan kemalangan kapal terbang. Dengan adanya peraturan yang seragam ini, perkhidmatan udara berjalan lancar secara teratur dan persefahaman bersama mudah tercapai. ICAO juga telah berhasil menganjurkan persetujuan bersama dalam bidang penubuhan stesen-stesen cuaca yang terapung bagi mengawal lalulintas udara.

PERTUBUHAN KAJI CUACA SEDUNIA

HASIL dari satu konvensyen di Washington pada tahun 1947 mengenai dengan kaji cuaca antarabangsa telah dijadikan landasan bagi mengemaskinikan lagi bidang ini. Konvensyen Kaji Cuaca Sedunia mula bergerak secara rasmi pada 23 Mac 1950 dan bergabung dengan PBB pada 20 Disember 1951.

PERTUBUHAN Kaji Cuaca Sedunia ini iaitu 'World Meteorological Organization' (WMO) dilaksanakan melalui tiga badan iaitu Kongres Kaji cuaca Sedunia, Jawatankuasa Kerja dan Sekretariat.

WMO memecahkan negara anggotanya kepada enam kawasan yang terdiri dari Kawasan Asia, Kawasan Barat-Daya Pasifik, Kawasan Eropah, Kawasan Amerika Tengah dan Utara, Kawasan Amerika Selatan dan Kawasan Afrika.

SEKRETARIAT yang berpusat di Geneva ini menjalankan pentadbiran harian. Tugas utama WMO ialah pertama, penyatuan kerjasama antarabangsa dalam bidang kaji cuaca di merata dunia. Kedua, mensekretakan catatan dan rakaman mengenai cuaca. Ketiga, memajukan kaji cuaca bagi kepentingan manusia sejagat untuk kegunaan bidang kelautan, penerbangan dan pertanian.

KESATUAN POS SEDUNIA

PENGHANTARAN dan penerimaan surat menyurat melalui pos adalah salah satu cara untuk berhubung antara seorang dengan seorang yang lain. Untuk melancarkan penghantaran dan penerimaan ini ditetapkan perjanjian dari sebuah negara ke sebuah negara, antara sebuah

kerajaan dengan sebuah kerajaan tetapi perjanjian dua hala ini tidak menguntungkan sejagat kerana cukup terbatas. Untuk mensekretakan kegiatan pos antarabangsa ini maka diadakan konvensyen demi konvensyen dan akhirnya satu Perlembagaan Kesatuan Pos Sedunia diterima dalam satu persidangan yang diadakan pada tahun 1944 bertempat di Vienna. Kesatuan Pos Sedunia yang Inggerisnya 'Universal Postal Union' (UPU) bergabung dengan PBB pada 15 November 1947.

TAFSIRAN UPU mengenai kedudukan negara anggotanya ialah "merupakan sebuah wilayah pos yang tunggal untuk pertukaran timbal balik surat-surat dan barang-barang pos."

UPU menentukan dasar-dasarnya pertama, jaminan dari negara anggota mestilah ada agar surat-surat dan barang-barang pos akan terjamin keselamatannya. Kedua, Pengurusan dan penghantaran surat-surat dan barang-barang pos lainnya dilindungi dengan perjanjian bersama. Ketiga, tarif bayaran kerana perkhidmatan surat-surat dan barang-barang pos yang singgah di sebuah negara untuk dihantar ke negara berkenaan dipatuhi bersama.

DENGAN adanya dasar tarif yang dibuat UPU ini maka tarif pembayaran sesuatu dalam bentuk setem dan lain-lain diseragamkan mengikut nilai antarabangsa, dan hal ini akan diamalkan oleh semua negara anggota. Kemudahan-kemudahan serupa ini dibentuk oleh UPU. Dasar-dasar dan peraturan UPU dipergunakan di merata dunia ini tidak kira negara kecil atau besar kerana setiap surat yang dihantar mestilah sampai ke tempat yang dikehendaki tanpa mengira bangsa dan ugamanya, kepercayaan dan Ideologi politiknya.

KEBEBASAN masuk seseorang manusia ke sebuah

negara ada hadnya misalnya disebabkan oleh sekatan politik atau keselamatan dan lain-lain tetapi surat dan barang-barang pos mempunyai keistimewaan tersendiri. Kerana keistimewaan dan tiada batasan inilah perhubungan pos dipergunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti mengirim bom jangka melalui surat untuk ditujukan kepada pihak teraniaya. Suatu sikap yang sepatutnya tidak dilakukan dan ditegah oleh UPU.

KESATUAN TELEKOM ANTARABANGSA

PERSATUAN Telekom Antarabangsa wujud hasil dari beberapa konvensyen yang diadakan mengenainya. Puncaknya ialah Konvensyen Telekom Antarabangsa yang diadakan di Madrid pada tahun 1932 tetapi konvensyen ini diubahsuai bagi mengimbangi dengan perkembangan terbaru yang dialami oleh bidang telekom. Pengubahsuaian susunan dan caranya dilakukan di suatu persidangan yang dilakukan di Amerika Syarikat pada 15 November 1947, PBB pun menerima penggabungan Persatuan Telekom Antarabangsa yang Inggerisnya 'International Telecommunication Union' (ITU) yang langsung diserapkan sebagai pertubuhan khas PBB.

ITU digerakkan oleh tujuh buah badan. Badan-badan itu ialah Majlis Persidangan Tertinggi, Persidangan Pentadbiran, Majlis Pentadbiran, Sekretariat, Jawatankuasa Perunding telekom dan Telefon Antarabangsa, Jawatankuasa Perunding Radio Antarabangsa, dan Lembaga Pendaftaran Frequency Antarabangsa.

ITU mempunyai tiga tujuan pokok. Pertama, mengawal dan memperkembangkan kerjasama antarabangsa dalam kemajuan telekom. Kedua, memperbanyakkan kemudahan teknik yang terbaik dalam bidang telekom.

KETIGA, penyatuan usahasama negara anggota bagi mencapai tujuan yang dua di atas tadi.

Tiap hari kita mendengar butir 'frequency' yang dihebahkan oleh juruhebah sewaktu siaran radio diudarkan tetapi sedarlah kita bahawa 'frequency' tersebut diatur serta dikawal oleh 'Universal Telecommunication Union' keranaanya gelombang 'frequency' itu perlu disebutkan bagi kemudahan bersama.

PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA

PERSATUAN ini Inggerisnya berbunyi 'International Development Association' (IDA) yang tertubuh pada September 1960. Bergabung dan diserapkan sebagai pertubuhan khas PBB pada 27 Mac 1961.

IDA ditubuhkan bagi menolong negara miskin yang dibebani tekanan hutang negaranya dari pinjaman mana-mana bank kewangan dunia. Kalau kewangan atau pertubuhan kewangan yang lain mengenakan bunga yang terlalu tinggi kepada negara pemiutang maka IDA menawarkan bantuan pinjaman wang bagi pembangunan ekonomi sosial sesebuah negara itu dengan syarat yang paling ringan dan tidak membebaskan. Bayangkan saja, wang pinjaman IDA boleh dijelaskan dalam tempoh 50 tahun tanpa dikenakan apa-apa faedah. Cuma negara pemiutang terpaksa membayar perkhidmatan sejumlah tiga per empat dari peratus tersebut.

Sebenarnya, IDA ialah badan gabungan dengan Bank Pembangunan dan Pembangunan Antarabangsa iaitu Bank Dunia kerana pentadbiran diawasi oleh bank dunia ini. Bezanya Bank Dunia lebih galak menumpukan perhatian kepada negara maju dan kaya manakala IDA tertumpu kepada negara miskin.

Peraduan rencana dilanjutkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka di sini memaklumkan kepada para penulis tanahair yang berminat dan ingin ikut serta dalam peraduan Menulis Rencana Umum dan Cerita Bergambar anjuran jabatan ini, bahawa tarikh tutup yang telah diumumkan pada hari Sabtu 29 September 1984 adalah dengan ini dilanjutkan lagi sehingga 29 Oktober 1984.

Pelita difahamkan, ini adalah bertujuan bagi memberikan peluang bagi kepada orang ramai untuk ikut serta dalam peraduan ini. Oleh yang demikian para penulis yang berminat untuk menyertainya bolehlah menghantar hasil tulisan masing-masing tidak lewat dari tarikh tersebut.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 10 hingga 16 Oktober 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Limau Manis	10.10.1984	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pangkalan Batu	10.10.1984	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	10.10.1984	Rabu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Jerudong	13.10.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	13.10.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkunong	13.10.1984	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Ugama Sengkunong	13.10.1984	Sabtu	2.30- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	13.10.1984	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut	13.10.1984	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa	14.10.1984	Ahad	9.00-10.00 pagi
Di kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara	14.10.1984	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Pekan Muara	14.10.1984	Ahad	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	15.10.1984	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas	15.10.1984	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	16.10.1984	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Lambak	16.10.1984	Selasa	10.30-11.30 "

**TITAH UCAPAN PENERIMAAN
KEMASUKAN BRUNEI DARUSSALAM
SEBAGAI ANGGOTA KE-159
BANGSA-BANGSA BERSATU OLEH
KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DIPERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

TUAN Presiden, para perwakilan yang dihormati. Bagi pihak perwakilan beta, izinkan beta Tuan Presiden, untuk melafazkan tahniah kami sebagaimana jua dari para perwakilan yang dihormati yang lain atas lantikan tuan sebagai Presiden Sesi ke-39 Perhimpunan Agung ini. Dengan pengalaman dan kebijaksanaan tuan, perwakilan beta merasa yakin bahawa tuan akan dapat menjalankan urusan dan tugas dalam perhimpunan ini dengan jayanya. Beta ingin mengucapkan terima kasih pada Tuan Presiden, serta para perwakilan yang dihormati atas kata-kata aluan tuan yang indah.

Beta juga ingin mengambil kesempatan ini, Tuan Presiden, untuk mengucapkan terima kasih kepada semua anggota Majlis Keselamatan yang meneliti permohonan kami bagi keanggotaan dalam pertubuhan ini, juga atas sokongan baik mereka. Kami juga amat terhutang budi kepada para anggota ASEAN dan kepada United Kingdom kerana sama-sama mengemukakan permohonan kami. Kami tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada semua negara anggota yang sama-sama menaja resolusi di Perhimpunan ini serta mengalu-alukan kemasukan kami ke Bangsa-Bangsa Bersatu.

Negara dan rakyat beta amat berterima kasih kepada tuan dan kepada negara-negara dalam perhimpunan ini, atas penghormatan pada saat yang bersempena ini. Ia bukan sahaja menandakan penerimaan kami dalam keanggotaan pertubuhan dunia ini, tetapi juga sebagai pengesahan antarabangsa akan kedaulatan dan kekuatan kami sebagai sebuah negara.

Jika diukur secara tradisional, Brunei Darussalam adalah sebuah negara kecil. Keluasan tanah kami adalah sederhana. Jumlah penduduknya hanyalah dalam lingkungan 200,000 orang. Sumber-sumber negara kami meskipun banyak dan berharga, tidaklah sebanyak sumber yang dimiliki oleh setengah-setengah negara lain.

Meskipun terdapat kekurangan-kekurangan ini, negara beta dapat menawarkan kepada dunia ini beberapa perkara yang menurut hemat beta begitu bernilai.

Yang pertama, pengalaman: Latarbelakang yang diperolehi dari sejarah lama yang ditempuhi dengan kesukaran. Kami merupakan sebuah negara baru, tetapi juga sebuah negara purba: salah sebuah negara yang tertua di Asia. Para pelawat ke Brunei beberapa kurun yang silam menemui satu sistem sosial yang kukuh dengan kebudayaan yang kaya dan makmur. Lima ratus tahun yang lalu, di bawah kepim-

Pendek kata, negara kami bukan sahaja mengalami keamanan — tetapi juga peperangan; kekayaan, tetapi juga kemiskinan; perniagaan yang bertenaga, tetapi juga pemencilan; perkembangan tetapi juga eksploitasi; berkerjaan sendiri, tetapi juga penguasaan asing. Kesemuanya ini ada mendatangkan faedah kepada kami. Ianya mengajar kami menghargai kenyataan hidup di dunia ini.



KETUA Protokol PBB, TYT Aly I. Teymour menjunjung Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk duduk di tempat perwakilan Brunei Darussalam di Dewan Perhimpunan Agung PBB sebaik-baik sahaja diterima menjadi anggota badan dunia itu.

LATAR BELAKANG SEJARAH BERI KEKUATAN UNTUK MAJU

pinan keturunan beta Sultan Bolikiah, Sultan Islam yang kelima Brunei telah memainkan peranan penting dalam perkembangan Ugama Islam di Asia Tenggara.

Kami telah mengalami kemegahan dan kegemilangan. Tetapi kami juga telah mengalami banyak kepedihan: selama tiga ratus tahun, dari abad keenam belas hingga abad kesembilan belas, wilayah dan negara kami diserang oleh kegiatan lanun yang bermaharajalela; beberapa peperangan, keganasan dari mereka yang memanggil diri mereka sebagai penjelajah yang juga kami kenali sebagai para pengeksploit.

Dalam abad ini, kami hidup di bawah naungan kuasa imperial, untungnya sebuah yang penuh kebajikan — Great Britain — dan buat seketika semasa Perang Dunia Kedua, di bawah pendudukan tentera Jepun.

Pendek kata, negara kami bukan sahaja mengalami keamanan tetapi juga peperangan; kekayaan, tetapi juga kemiskinan; perniagaan yang bertenaga, tetapi juga pemencilan; perkembangan tetapi juga eksploitasi; berkerjaan sendiri, tetapi juga penguasaan asing. Kesemuanya ini ada mendatangkan faedah kepada kami. Ianya mengajar kami menghargai kenyataan hidup di dunia ini. Oleh yang demikian perwakilan beta ingin meyakinkan bahawa "approach" kami terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu adalah sesuatu yang realistik. Kami tidak menganggap tujuan dan matlamat Piagam Bangsa-bangsa Bersatu sebagai konsep yang abstrak semata-mata. Sebagai sebuah negara yang kecil dan kaya dengan pengalaman, kami sesungguhnya menghargai kesan moral dan undang-undang prinsip-prinsip ini dan akan sentiasa berusaha untuk mencapai kata sepakat antara kedua-dua prinsip ini dan corak kami mengendalikan hal-ehwal dunia.

Kami ingin meyakinkan Perhimpunan ini bahawa kami menerima sepenuhnya tanggungjawab yang termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Bersama-sama dengan negara-negara anggota yang lain, kami akan sentiasa menepati tujuan dan matlamat ini. Kami

penuh percaya dalam mengekalkan keamanan di dunia ini adalah melalui keselamatan bersama. Kami menyokong langkah meningkatkan perkembangan ekonomi dengan cara saling bantu membantu. Kami akan menyokong prinsip bahwa setiap negara mempunyai hak yang tidak boleh diabaikan untuk menubuhkan bentuk kerajaannya sendiri, tanpa sebarang campur-tangan luar dan selalu menghormati keadaan yang lazimnya dalam sesebuah negara dan aspirasi rakyatnya sendiri untuk mencapai kebahagiaan dan taraf hidup yang lebih baik.

Kita mempunyai bahagian yang besar dalam memastikan kelangsungan undang-undang antarabangsa, dalam prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan dalam sistem keselamatan bersama yang diwujudkan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh yang demikian, Tuan Presiden, beta ingin meyakinkan bahawa bagi pihak perwakilan beta, pihak tuan tidak akan mendapat kepatuhan kami terhadap prinsip ini apabila diuji di masa hadapan.

Perwakilan beta menyedari terdapat begitu banyak pendapat yang mengatakan bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu tidak wujud sebagaimana yang diharapkan oleh para anggotanya dan ada pula yang menganggapnya sebagai sebuah badan yang tidak berfaedah. Kami percaya ini bukanlah kerana terdapat kesilapan dalam matlamat Bangsa-Bangsa Bersatu. Kami yakin untuk membolehkan Bangsa-Bangsa Bersatu berjalan dengan berkesan adalah bergantung kepada para anggotanya. Ianya hanya dapat berjalan dengan berkesan mengikut keupayaan negara-negara anggota. Bagi kami negara-negara yang kecil, kami memerlukan Bangsa-Bangsa Bersatu lebih daripada negara-negara lain. Tetapi kenyataan ini tidak menunjukkan bahawa perwakilan kami tidak akan membuat sebarang kritikan. Bila berbangkit keadaan itu kami akan mengkritik, tetapi kami tidak akan berbahasa kasar ataupun tanpa sebarang matlamat.

Kami akan menyokong langkah-langkah yang praktikal dan kami tidak akan membuat usul yang bertentangan dengan dasar-dasar yang kami yakini untuk didukung.

Kami hidup dalam dunia di mana keganasan menjadi satu kenyataan hidup. Di Asia Tenggara, keamanan, keselamatan dan kestabilan diancam oleh kuasa-kuasa yang tidak menghormati prinsip-prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Yang saya maksudkan ialah serangan senjata dan pendudukan yang berterusan di Kampuchea oleh tentera Vietnam, yang tidak menghormati prinsip tidak campur-tangan urusan hal-ehwal dalam negeri negara-negara lain; dan melanggar undang-undang antarabangsa dan normal tingkahlaku antarabangsa.

Di Timur Tengah, penafian terus menerus hak-hak yang sah bagi rakyat Palestine merupakan punca masalah di rantau itu. Brunei Darussalam tetap teguh dalam keyakinannya bahawa satu penyelesaian yang adil kekal dan menyeluruh mestilah mengambil kira hak-hak yang sah rakyat Palestine untuk menentukan masa depan sendiri di tanahair mereka sendiri, di Palestine. Kami juga menyokong Pertubuhan Pembebasan Palestine sebagai wakil tunggal rakyat Palestine. Brunei

Kami telah menumpukan sumber-sumber kami untuk memberi pelajaran percuma, subsidi makanan dan minyak, serta pencen untuk orang-orang tua dan janda, rawatan perubatan dan kesihatan termasuk perkhidmatan doktor terbang dan mata pencarian tanpa dikenakan cukai pendapatan. Khidmat ini dan banyak yang lain adalah semuanya diberikan untuk melindungi rakyat. Kami ingin dibiarkan bersendirian serta bebas dari campur-tangan luar. Kami ingin membangun negara kami serta memberikan rakyat kami penghidupan yang lebih baik lagi.

Darussalam menyertai negara-negara lain dalam menentang pendudukan Israel yang berterusan di tanah-tanah Arab termasuk Selatan Lubnon.

Kami juga ingin melafazkan rasa dukacita kami yang amat sangat terhadap persengketaan yang berterusan di antara Iran dan Iraq yang melibatkan beribu-ribu nyawa serta kesengsaraan dan kemusnahan yang tidak terbilang jumlahnya di kedua belah pihak. Brunei Darussalam menyertai negara-negara Islam yang lain dengan segenap hati menyeru kedua buah negara itu untuk menamatkan perang serta menyelesaikan perselisihan mereka secara aman demi kepentingan perpaduan Islam.

Berhubung dengan keadaan di Afghanistan, Brunei Darussalam sama-sama merasakan kemarahan dan dukacita sebahagian besar negara-negara di dunia ini, serta menyeru bagi pengunduran tentera-tentera asing dari Afghanistan, dan untuk menghormati hak untuk menentukan masa depan sendiri bagi rakyat Afghanistan, dan pengembalian semula sebuah negara Afghanistan yang merdeka lagi berkecuali.

Tuan Presiden, seperti yang kita semua sedari, Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, menyeru bagi peningkatan kemajuan ekonomi dan sosial untuk semua manusia. Tetapi di Afrika Selatan kerajaannya terus menjalankan sistem diskriminasi perkauman yang tidak berperikemanusiaan. Brunei Darussalam seperti negara lain yang cintakan kebebasan mengancam dengan kuat dasar dan amalan penindasan oleh Kerajaan Afrika Selatan.

Kami juga ingin melafazkan sokongan kami terhadap rakyat Namibia dalam perjuangan mereka untuk menuntut pembebasan dari penjajahan Afrika Selatan serta untuk kemerdekaan sepenuhnya bagi Namibia.

Negara-negara kecil seperti negara kami mahukan keamanan tetapi kami mendapati sebuah dunia di mana ada orang mahu menyelesaikan isu dengan kekerasan senjata. Kami tidak mempunyai harapan lain selain daripada bergantung kepada kuat kuasa moral serta cara meyakinkan Bangsa-Bangsa Bersatu dan jenteranya bagi memelihara keamanan dan keselamatan. Kami sudah sententunya juga akan berusaha untuk meneguhkan pertahanan kami setakat yang terdaya dari tenaga dan sumber yang ada, tetapi kami percaya bahawa dalam

Bagi kami negara yang kecil, kami memerlukan Bangsa-Bangsa Bersatu lebih daripada negara-negara lain. Tetapi kenyataan ini tidak menunjukkan bahawa perwakilan kami tidak akan membuat sebarang kritikan. Bila berbangkit keadaan itu kami akan mengkritik, tetapi kami tidak akan berbahasa kasar atau pun tanpa sebarang matlamat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan lain-lain perwakilan Baginda duduk di tempat pemerhati sejurus sebelum pengisytiharan kemasukan Brunei Darussalam menjadi anggota ke-159 PBB.



RAKAMAN P



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan lain-lain perwakilan Baginda ketika mendengar sembah ucap tahniah yang dibacakan di podium oleh perwakilan PBB. (atas).

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rombongan di Lapangan Terbang John Kennedy telah dialu-alukan oleh Timbalan Penolong Setiausaha bagi Hal-Ehwal Asia Timur dan Pasifik dari Jabatan Negara Amerika Syarikat, TYT John Mojox (kiri).

GAMBAR sebelah kanan menunjukkan pemandangan di Dewan Perhimpunan Agung PBB ketika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melafazkan titah di podium dewan PBB itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam memerhatikan Setiausaha Agung PBB, TYT Perez De Cuellar ketika Tuan Yang Terutama itu menyampaikan ucap tahniah di majlis singkat sempena kemasukan Brunei Darussalam menjadi anggota badan dunia itu.




SELEPAS upacara perasmian kemasukan Negara Brunei Darussalam ke PBB, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan lain-lain perwakilan Baginda dijunjung berangkat melawat ke beberapa bahagian bangunan PBB. Gambar bawah kelihatan Baginda sedang mendengar penerangan mengenai dengan barang pameran di bangunan tersebut oleh Ketua Protokol PBB.

RISTIWA BERSEJARAH DI PBB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan perbincangan singkat dengan Presiden Perhimpunan ke-39 PBB, TYT Paul Lusaka di pejabat Tuan Yang Terutama itu (kiri). Sementara gambar kanan kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima cenderamata dari Setiausaha Agung PBB sejeurus setelah Baginda menyumbangkan derma sebanyak US\$1 juta bagi tabung UNICEF.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga telah menerima mengadap Tuan Arthur Sulberger, Penerbit The New York Times (gambar atas).

UPACARA menaikkan bendera Negara Brunei Darussalam di luar Bangunan PBB. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan perwakilan Baginda berangkat ke upacara tersebut, seperti kelihatan dalam gambar kanan.

WAKIL Tetap Indonesia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ketika mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menyampaikan ucapan tahniah atas kemasukan Brunei Darussalam ke PBB (bawah).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Balkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersalaman dengan Presiden Perhimpunan Agung ke-39 PBB, TYT Paul Lusaka di majlis jamuan yang diberikan oleh Duli Yang Teramat Mulia bersempena kemasukan Brunei Darussalam ke PBB (bawah kanan).

ambar Oleh:
bin Pg. Haji Othman



Dari muka 9

dunia hari ini kekuatan bersama Bangsa-Bangsa Bersatu adalah harapan muktamad bagi kami negara-negara kecil. Kami penuh percaya bahawa keselamatan dan kesejahteraan negara kami hanya akan dapat dipastikan menurut asas kepatuhan yang kukuh kepada prinsip-prinsip asas Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Bagi negara-negara seperti kami, keamanan dunia adalah syarat awal yang diperlukan bagi ketahanan ekonomi dan politik kami.

Perwakilan beta juga ingin merakamkan penghargaan kami atas kerjasama, persahabatan serta sokongan yang diberikan terhadap kami oleh jiran tetangga kami di rantau ASEAN. Sebelum kami mencapai tanggungjawab sepenuhnya bagi hal-hal luar kami, kelima-buah negara anggota ASEAN telahpun menghulurkan persahabatan dan kerjasama mereka. Mereka menggalakkan kami membiasakan diri dengan urusan-urusan diplomasi serta kerjasama serantau. Usaha mereka untuk mengukuhkan keamanan, kemajuan dan harapan serantau adalah selaras dengan harapan dan aspirasi kami sendiri, kami kini merupakan sebahagian dari ASEAN. Sebagai anggota baru ASEAN kami sudah tentunya akan bekerja bersama-sama untuk mempertingkatkan lagi semua yang sudah dicapai. Kami akan berusaha untuk memperkukuhkan lagi ikatan di antara anggota-anggota ASEAN dengan menghalang campur-tangan luar serta mengurangkan jurang perbezaan dalam rantau ini. Tetapi kami akan sentiasa mengharapkan Bangsa-Bangsa Bersatu berjalan dengan berkesan terhadap tanggungjawabnya bagi memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa di rantau kami itu. Campur-tangan luar serta pendudukan Kampuchea yang tidak dapat dihuraikan itu yang bertentangan dengan prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu amat mendukacitakan perwakilan kami.

Kami ingin memastikan untuk terus memodenkan negara kami di samping mengukuhkan pegangan mengikut prinsip-prinsip ajaran ugama Islam yang kami anuti sejak turun-temurun.

Tuan Presiden, kami perlukan keamanan atas sebab-sebab yang lebih dari satu. Kami mempunyai sumber hasil mahsul untuk memberi rakyat kami penghidupan yang lebih baik. Sesiapa yang telah melawat Brunei Darussalam akan dapat mengetahui kemajuan yang telah dibuat dalam berbagai bidang dalam usaha untuk kesejahteraan rakyat kami. Kami telah menumpukan sumber-sumber kami untuk memberi pelajaran percuma, subsidi makanan dan minyak, serta pencen untuk orang-orang tua dan janda, rawatan perubatan dan kesihatan termasuk perkhidmatan doktor terbang dan mata pencarian tanpa dikenakan cukai pendapatan. Khidmat ini dan banyak yang lain lagi adalah semuanya diberikan untuk melindungi kebajikan rakyat. Kami ingin dibiarkan bersendirian serta bebas dari campur-tangan luar. Kami ingin membangun negara kami serta memberikan rakyat kami penghidupan yang lebih baik lagi. Kami ingin melihat tercapainya matlamat kami untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial serta perkembangan kebudayaan. Di waktu yang sama kami perlu mengembangkan sektor-sektor pengeluaran dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan serta perusahaan.

Kami ingin memastikan untuk terus memodenkan negara kami di samping mengukuhkan pegangan mengikut prinsip-prinsip ajaran ugama Islam yang kami anuti sejak turun-temurun.

